

**PEKELILING PESURUHJAYA TANAH DAN GALIAN TERENGGANU.  
BILANGAN 1/1958.**

---

Bayaran Imbuan Kerana Mengambil Balik Tanah.

Satu rujukan telah dibuat di dalam Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Terengganu atas perasaan tak puas hati pihak umum mengenai perintah-perintah bayaran imbuan yang dibuat oleh Pemungut Hasil Tanah kerana mengambil balik tanah.

2. Pemungut-pemungut Hasil Tanah adalah berhak membuat apa-apa perintah yang mana ia fikir patut, tetapi hendaklah diingatkan tujuannya ialah supaya boleh mengadakan imbuan yang berpatutan kepada yang telah diambil hartanya. Ini, bukanlah soal hendak berjimat wang kerajaan dengan merendahkan taksiran bagi imbuan itu, begitu juga bukanlah soal hendak mengadakan imbuan yang berlebih-lebihan kepada tuan tanah dengan sebab lembut hati (sentimental) atau lain-lain sebab.

3. Pemungut Hasil Tanah adalah dijemput mengambil perhatian kepada pekellilingan Pesuruhjaya Tanah Persekutuan Bil. 7 tahun 1954 mengenai satu keputusan sebuah Mahkamah di Johor dal perkara appeal melawan perintah Pemungut Hasil Tanah bagi kebun getah yang telah diambil balik kerana penggunaan penempatan semula. Pihak Mahkamah itu telah meninggikan imbuan itu daripada \$800.00 kepada \$1100.00 se ekar bagi tanah getah yang muda dikirakan keuntungan yang boleh didapati dalam masa 7 tahun. Ini adalah satu car harga pasaran bagi tempat itu yakni mgikut bgaimana harga jual beli yang dibuat atas tanah yang sedemikian di dalam kawasan itu - ini adalah panduan yang baik sekali. INGATAN. Ini mahulah harga yang sebenar bukanlah harga yang dinyatkan oleh kedua-dua pihak bagi maksud cukai stamp dsan sebagainya.

4. Ada orang-rang yang selalu membeli atau mengambil tanah kerana maksud mencari keuntungan, dengan membiarkan tanah itu dengan tidak diusahakan dsan ia berharap moga-moga perusahaan yang dibuat disekeliling boleh menaikkan harga tanahnya dengan tak payah diusahakan olehnya sendiri. Dalam perkara yang seumpama ini Pemungut Hasil Tanah hendaklah menimbangkan perintah-perintah imbuhan dengan teliti dan hendaklah menjauhkan daripada mengurniakan imbuan itu lebih daripada yang sehabis-habis rendah dan patut. Bagaimanapun ada juga tuan-tuan tanah kecil yang semata-mata bergantung kehidupannya atas tanah yang akan diambil balik. Apabila mereka hendak mencari saraan hidup sebagaimana yang mereka telah biasa maka terpaksa mereka membeli ganti tanah harga pasaran dan dengan ini boleh mendatangkan keberatan kepada mereka. Bagi orang-orang yang seumpama ini, jika Pemungut-pemungut Hasil Tanah berasa waswas di atas imbuan yang hendak dikurniakan, maka adalah lebih baik jika ia membelot kepada kemurahan hati (generosity) dan ini hendaklah dijadikan peraturan am.

t.t.

Pesuruhjaya Tanah dan Galian,  
Terengganu.

Bil. (1) dlm. C.L.M. 70/1958.

Kepada:

Pemungut-pemungut Hasil Tanah  
Settlement Collector, Terengganu  
Ketua Ukuran, Terengganu  
Pemeriksa kira-kira Pejabat Audit, K. Terengganu.

Kuala Terengganu, 19hb. April, 1958.